

Keyakinan perniagaan meningkat

PERNIAGAAN

Peniaga jangka suasana
perniagaan lebih baik
pada suku keempat

KUALA LUMPUR

Keyakinan perniagaan meningkat 3.2 peratus pada suku keempat 2023, menokok daripada 0.7 peratus pada suku ketiga 2023 berikutan peniaga menjangkakan suasana perniagaan lebih baik pada suku keempat, menurut Jabatan Perangkaan.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin dalam kenyataan pada Khamis berkata, perkhidmatan, industri dan pembinaan

adalah tiga sektor yang menjangkakan keadaan perniagaan lebih baik pada suku keempat 2023.

Jelas beliau, keyakinan perniagaan bagi sektor perkhidmatan kekal pada trajektori positif, dengan petunjuk keyakinan meningkat 6.3 peratus berbanding 6.1 peratus pada suku tahun sebelumnya.

"Sektor industri pula terus optimis terhadap prestasi perniagaan, dengan petunjuk keyakinan 4.0 peratus bagi suku tahun yang sama berbanding 1.3 peratus suku ketiga 2023," katanya.

Mohd Uzir berkata, sektor pembinaan meningkat kepada trajektori positif buat pertama kalinya sejak suku pertama 2018 dengan mencatat 1.7 peratus berbanding -26.9 peratus pada suku ketiga 2023.

Namun, menurutnya, peniaga dalam sektor perdagangan borong dan

runcit menjangkakan prospek perniagaan yang pesimistik, dengan petunjuk keyakinan -3.6 peratus pada suku keempat 2023 berbanding -1.5 peratus pada suku tahun sebelumnya.

"Unjuran perniagaan bagi tempoh Oktober 2023 hingga Mac 2024 dijangka kekal rancak walaupun menyederhana, dengan imbang bersih 9.8 peratus berbanding 13.9 peratus sebelum ini.

"Sentimen dalam sektor perkhidmatan kekal positif, dengan imbang bersih 19 peratus. Bagi enam bulan akan datang, kesemua subsektor di bawah sektor ini menjangkakan persekitaran perniagaan positif.

"Sektor industri juga meramalkan prospek perniagaan lebih cerah dengan imbang bersih 7.5 peratus bagi tempoh Oktober 2023 hingga Mac 2024," katanya. - Bernama

Perkhidmatan, industri dan pembinaan adalah tiga sektor yang menjangkakan keadaan perniagaan lebih baik pada suku keempat 2023.

Sinar
Harian

S@B

SINAR @
BISNES